

18,392 mangsa di lima daerah masih berada di 68 pusat pemindahan

Banjir di Terengganu semakin buruk

KUALA TERENGGANU - Keadaan banjir di Terengganu bertambah buruk apabila jumlah mangsa banjir yang dipindahkan meningkat kepada 18,392 orang berbanding 15,226 orang kelmarin.

Mangsa-mangsa banjir itu ditempatkan di 68 pusat pemindahan di lima daerah di Terengganu.

Kemaman masih mencatatkan jumlah mangsa dipindahkan paling ramai apabila 12,249 orang dipindahkan ke pusat pemindahan diikuti Dungun (5,034 orang).

Portal banjir Majlis Keselamatan Negara (MKN) Terengganu memberitahu, sehingga pukul 5 petang mangsa dari Kuala Terengganu yang masih berada di pusat pemindahan seramai 1,002 orang, Marang (24 orang) dan Hulu Terengganu (83 orang).

Semua pusat pemindahan di Setiu dan Besut ditutup apabila banjir di kedua-dua daerah itu pulih semalam.

Kejadian banjir di Terengganu setakat ini telah mengorbankan seramai enam mangsa.

Di **Kota Bharu**, keadaan banjir

di Kelantan semakin pulih apabila 15 buah lagi pusat pemindahan ditutup sehingga pukul 6 petang semalam berbanding 28 buah kelmarin berikutan banjir yang semakin surut.

Seramai 5,127 orang daripada 1,723 keluarga masih ditempatkan di 13 buah pusat pemindahan di tiga jajahan iaitu Tumpat, Pasir Mas dan Kota Bharu.

Jajahan Pasir Mas masih mencatat jumlah mangsa yang paling tinggi dengan 2,506 orang daripada 871 keluarga masih ditempatkan di lapan pusat pemindahan manakala tiga pusat pemindahan di Tumpat menempatkan 815 keluarga dengan 2,467 orang.

Di **Kuantan**, bilangan mangsa banjir di Pahang terus menurun kepada 182 orang melibatkan 46 keluarga di daerah ini sehingga pukul 5.30 petang semalam.

Sementara itu, kesemua 206 orang daripada 43 keluarga di Pekan sudah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing kelmarin.

Jurucakap Bilik Gerakan MKN



LIMA penduduk kampung menaiki perahu untuk menunaikan solat Jumaat di Masjid Bendang Pak Yong, Tumpat semalam.

Pahang berkata, mangsa-mangsa yang masih ditempatkan di pusat pemindahan melibatkan penduduk sekitar Galing Besar dan Taman Sri Kuantan.

“Seramai 182 orang masih ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Galing, sebahagian lagi dibenarkan pulang secara berperingkat sejak pagi tadi (semalam),” katanya.

Talian Kecemasan Banjir

Terengganu	-	09-631 6021
Kelantan	-	09-745 0999
Pahang	-	09-516 1855

INFO Ramalan kaji cuaca

● Hujan sekejap-sekejap kadangkala sederhana dijangka melanda kawasan terlibat bermula esok hingga Isnin ini.

● Kelantan

Pasir Mas, Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh, Kuala Krai, Tanah Merah, Machang

● Terengganu

Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman

● Pahang

Kuantan, Pekan dan Rompin

● Perlis

Padang Besar, Kangar dan Arau

● Kedah

Baling, Sik dan Padang Terap

Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia